# SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN BUKIT INDAH, JOHOR BAHRU [PANITIA SEJARAH 2023]

-----------------------------------------------------------------------------------

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2023**
**SEJARAH**
**UJIAN BERTULIS**
***Peraturan Pemarkahan***

**1249/2 SEJARAH(PP)**

=======================================================

## UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Panitia Sejarah SMK Taman Bukit Indah**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

## Catatan penandaan:

Gunakan tanda ✓1 pada kata kunci jawapan yang betul pada soalan **BAHAGIAN A** dan **B**

Gunakan tanda ✓ sahaja pada setiap pecahan soalan c (KBAT)

Gunakan tanda (   ) bagi memisahkan setiap jawapan calon pada setiap soalan Bahagian A dan B kecuali pada pecahan soalan c pemeriksa hanya perlu letak (   ) pada awal dan akhir ayat calon.

Gunakan tanda ☒ pada jawapan yang salah pada BAHAGIAN A dan B

Gunakan tanda **TR** pada jawapan yang "*Tidak Relevan*" pada BAHAGIAN A dan B.

Gunakan tanda **TJ** pada ruangan jawapan yang tidak dijawab pada BAHAGIAN A dan B.

Gunakan tanda **HK** pada ruangan kosong pada BAHAGIAN B dan PALANG kertas kosong.

Catatkan **I** pada ruangan catatan pemeriksa pada BAHAGIAN B pada setiap baris jawapan yang betul (iaitu mengandungi tanda ✓).

| SOALAN | sub | PERINCIAN JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|---|
| 1 | (a) | **Namakan dua undang-undang yang diperkenalkan dalam Kesultanan Melayu Melaka** | |
| | | F1 Hukum Kanun Melaka | **1** |
| | | F2 Undang-undang Laut Melaka | **1** |
| | | [2 x 1 markah] | **[2 markah]** |
| | (b) | **Terangkan hukuman bagi perbuatan jenayah berdasarkan daripada undang-undang di 1(a)** | |
| | | **Hukum Kanun Melaka** | |
| | | F1 Hukuman setimpal dikenakan terhadap perbuatan jenayah | **1** |
| | | C1 membunuh / menikam / mencuri | **1** |
| | | F2 Perbuatan jenayah menggugat ketenteraman dan keharmonian Melaka | **1** |
| | | F3 Fasal 5.1 – hukuman bunuh dikenakan apabila seseorang membunuh orang lain tanpa pengetahuan raja dan pembesar | **1** |
| | | F4 Fasal 4 – hukuman bunuh dikenakan kepada sesiapa yang ingkar arahan dan memalsukan titah sultan | **1** |
| | | **Undang-undang Laut Melaka** | |
| | | F5 Perbuatan jenayah di atas kapal menggugat ketenteraman dan keselamatan isi kapal | **1** |
| | | C2 mencuri / membunuh / memberontak | **1** |
| | | F6 Fasal 5 – seseorang yang berkelakuan jahat dan membunuh orang di atas kapal akan dikenakan hukuman mati | **1** |
| | | [mana-mana fakta berkaitan 4 x 1 markah] | **[4 markah]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | (c) | **"KEDAULATAN UNDANG-UNDANG"**<br>**Mengapakah pengamalan prinsip tersebut penting kepada rakyat dan negara?** | |
| | | F1 Menjamin rakyat menghormati undang-undang | 1 |
| | | F2 Membentuk rakyat yang berdisiplin / tidak melanggar undang-undang | 1 |
| | | F3 Melahirkan rakyat yang menyokong penguatkuasaan undang-undang | 1 |
| | | F4 Memelihara kedaulatan negara | 1 |
| | | F5 Mengekalkan kehidupan yang aman / harmoni | 1 |
| | | F6 Membentuk masyarakat yang sejahtera | 1 |
| | | F7 Mewujudkan keadilan dalam masyarakat | 1 |
| | | F8 Menjamin kestabilan politik | 1 |
| | | M Terima mana-mana jawapan yang munasabah | 1 |
| | | [mana-mana 4 x 1 markah] | **[4 markah]** |
| 2 | (a) | **Apakah faktor yang membawa kepada penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.** | |
| | | F1 Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union | 1 |
| | | C1 Orang Melayu / Raja-raja Melayu / Cendekiawan Melayu/ UMNO | 1 |
| | | H1a Ahli Parlimen British / Gammans / Rees Williams hantar laporan hasil tinjauan kepada Dewan Parlimen British | 1 |
| | | H1b menyatakan keadaan huru-hara akan berlaku di Tanah Melayu sekiranya Malayan Union dilaksanakan | 1 |
| | | H1c Raja-raja Melayu ,UMNO dan British melakukan persediaan untuk menggubal Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | | F2 Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO | 1 |
| | | H2a melalui pertemuan dan perundingan Raja-raja Melayu dengan Malcolm MacDonald / Sir Edward Gent di Kuala Kangsar | 1 |
| | | H2b Raja-raja Melayu mencadangkan penubuhan persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan / perjanjian baharu untuk menggantikan Malayan Union / Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Gabenor / Raja berkuasa dalam perundangan / perkataan "Negeri-negeri Melayu" perlu muncul dalam persekutuan yang baharu | |
| | | H2c Sultan Perak mendesar British menerima usul pembentukan persekutuan | 1 |
| | | H2d Gammans dan Rees Williams menyampaikan surat bantahan daripada Sultan Perak di Parlimen British | 1 |
| | | F3 Sokongan Pentadbir British | 1 |
| | | H3a mewujudkan keamanan / kestabilan dan kemajuan ekonomi | 1 |
| | | H3b mendorong pelabur luar untuk melabur di Tanah Melayu | 1 |
| | | C3 Sir Edward Gent / Malcolm MacDonald / Sir Ralph Hone / Gammans / A.T. Newboult / Roland Braddell / W. Linehan / Theodore Adams | 1 |
| | | H3c mencadangkan British melibatkan Raja-raja Melayu dalam pentadbiran berasaskan perlembagaan | 1 |
| | | C4 sultan diberikan kuasa tertentu dalam Majlis Negeri dan Perundangan | 1 |
| | | H3d British melaksanakan Dasar dekolonisasi yang disarankan oleh PBB melalui Piagam Atlantik | 1 |
| | | [mana-mana 2 x 1markah] | **[2 markah]** |
| | **(b)** | **Jelaskan ciri-ciri pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu 1948** | |
| | | F1 Persekutuan dibentuk menerusi gabungan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah Negeri-negeri Selat | 1 |
| | | F2 Singapura kekal sebagai tanah jajahan British yang berasingan | 1 |
| | | F3 Diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi British yang mempunyai kuasa eksekutif | 1 |
| | | F4 Bertanggungjawab dalam hal kewangan serta hal lain yang mempunyai kepentingan bersama | 1 |
| | | F5 Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Perundangan Persekutuan ditubuhkan | 1 |
| | | F6 Majlis Mesyuarat Persekutuan mengandungi ahli rasmi | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | dan ahli tidak rasmi | |
| | | F7 Ahli tidak rasmi dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi | **1** |
| | | F8 Ahli Majlis Perundangan Persekutuan terdiri daripada pelbagai kaum | **1** |
| | | [mana-mana 4 x 1 markah] | **[4 markah]** |
| | **(c)** | **Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah membawa pelbagai implikasi (kesan) yang baik sehingga ke hari ini. Buktikan.** | |
| | | F1 Mengembalikan semula kedudukan Raja-raja Melayu | **1** |
| | | H1a Majlis Raja-raja diwujudkan melalui peruntukan Perjanjian Persekutuan | **1** |
| | | H1b Majlis ini dipengerusikan oleh seorang daripada Raja-Raja Melayu daripada sembilan orang raja | **1** |
| | | H1c Pesuruhjaya Tinggi memastikan bahawa Raja-raja Melayu perlu dirujuk terhadap kuasa Kerajaan Persekutuan | **1** |
| | | H1d Sultan menjadi ketua negeri pada peringkat negeri | **1** |
| | | H1e Sultan berkuasa melantik Menteri Besar sebagai ketua pentadbir negeri | **1** |
| | | F2 Mengiktiraf / menjaga kedudukan istimewa orang Melayu | **1** |
| | | H2a Menjaga kepentingan sah kaum lain | **1** |
| | | F3 Membuka ruang kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara | **1** |
| | | H3a Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal yang diberikan kedudukan istimewa | **1** |
| | | H3b mewujudkan perpaduan bangsa | **1** |
| | | H3c melambangkan perjuangan menegakkan maruah bangsa | **1** |
| | | F4 Mewujudkan kerjasama kaum | **1** |
| | | C1 Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum / CLC | **1** |
| | | H4a berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | H4c berjaya menggagalkan rancangan British untuk melemahkan orang Melayu | 1 |
| | | H4d wujudnya sikap tolak ansur antara kaum | 1 |
| | | H4e pembentukan parti politik pelbagai kaum dalam satu parti | 1 |
| | | C2 Barisan Nasional / Pakatan Harapan / Perikatan Nasional | 1 |
| | | F5 Pembentukan Perlembagaan Tanah Melayu 1957 | 1 |
| | | H5a membawa kemerdekaan kepada Tanah Melayu | 1 |
| | | H5b Pembentukan Perlembagaan 1963 | 1 |
| | | H5c mewujudkan sebuah negara bernama Malaysia | 1 |
| | | H5d gabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura | 1 |
| | | F6 Mengasaskan sistem pembahagian kuasa antara Kerajan Pusat dengan Kerajaan Negeri | 1 |
| | | H6a terbentuknya Senarai Persekutuan / Senarai Negeri | 1 |
| | | H6b menjamin kemakmuran ekonomi negara | 1 |
| | | H67 mengembalikan kedaulatan negara / British mengiktiraf dasar menaungi negeri Melayu seperti sebelum Perang Dunia Kedua | 1 |
| | | M Terima mana-mana jawapan yang munasabah | 1 |
| | | [mana-mana 4 x 1 markah] | **[4 markah]** |
| **3** | **(a)** | Senaraikan dua ciri demokrasi yang diamalkan di Malaysia. | |
| | | F1 Amalan pilihan raya | 1 |
| | | F2 Jaminan kepada kebebasan asasi / hak asasi | 1 |
| | | F3 Pembahagian kuasa / pengasingan kuasa | 1 |
| | | [mana-mana 2 x 1 markah] | **[2 markah]** |
| | **(b)** | | |
| | | Mengapakah konsep pengasingan kuasa penting? | 1 |
| | | F1 Mewujudkan pemerintahan yang adil dan saksama | 1 |
| | | F2 Membentuk konsep semak dan imbang | 1 |
| | | F3 Mengelakkan monopoli kuasa | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | F4 Menjamin kelicinan pentadbiran | **1** |
| | | F5 Setiap badan fokus kepada fungsi masing-masing | **1** |
| | | F6 Mengelakkan pertindihan kuasa | **1** |
| | | F7 Memastikan pentadbiran negara lancar | **1** |
| | | F8 Mengekalkan kedaulatan negara | **1** |
| | | F9 Menjamin hukuman yang adil kepada pesalah / membela mangsa dengan adil | **1** |
| | | F10 Mengelakkan perbalahan / perebutan kuasa | **1** |
| | | M Mana-mana jawapan munasabah | **1** |
| | | | **[4 markah]** |
| | | [mana-mana 4 x 1 markah] | |
| | **(c)** | Berdasarkan maklumat di atas jelaskan keunikan amalan Demokrasi Berparlimen di negara kita dan kesannya. | |
| | | Maklumat dalam petikan: | |
| | | F1 Kombinasi Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen | **1** |
| | | H1a Gabungan unsur tradisional dan moden dalam Pentadbiran | **1** |
| | | H1b Kedudukan raja sebagai warisan sosiopolitik | **1** |
| | | H1c Unsur moden menggunakan model Westminster England | **1** |
| | | **H1d mengimbangi amalan demokrasi** | **1** |
| | | **H1e pentadbiran sistematik dan unggul** | **1** |
| | | F2 Mewujudkan mekanisme semak dan imbang | **1** |
| | | H2a Pemerintahan beraja mengimbangi pemerintahan Demokrasi | **1** |
| | | H2b Raja berkecuali dalam hal politik, ekonomi dan dasar Negara | **1** |
| | | **H2c Raja mampu meredakan konflik** | **1** |
| | | C2a pertikaian politik / persilisihan kaum | **1** |
| | | H2d Berlaku melalui pengasingan kuasa | **1** |
| | | C2b badan perundangan / kehakiman / eksekutif | **1** |
| | | **H2e konflik dan kekeliruan dapat diselesaikan dengan baik** | **1** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | F3 Kuasa budi bicara raja | 1 |
| | | H3a YDPA melantik ketua Kerajaan Persekutuan / Perdana Menteri | 1 |
| | | H3b Raja / Yang di-Pertua Negeri melantik ketua Kerajaan Negeri / Menteri Besar / Ketua Menteri | 1 |
| | | H3c YDPA mempunyai kuasa untuk tidak memperkenankan permintaan pembubaran Parlimen | 1 |
| | | H3d Raja / Yang di-Pertua Negeri mempunyai kuasa tidak memperkenankan pembubaran DUN | 1 |
| | | **H3e Menjamin kestabilan politik** | 1 |
| | | F4 Kerjasama politik | 1 |
| | | H4a gabungan pelbagai parti politik | 1 |
| | | **H4b membentuk kerajaan yang kuat** | 1 |
| | | **H4c menggalakkan perkongsian kuasa dalam pemerintahan** | 1 |
| | | C4a Parti Perikatan / Barisan Nasional / Pakatan Harapan | 1 |
| | | **H4d membela nasib semua kaum** | 1 |
| | | M Mana-mana munasabah bagi kesan diterima | 1 |
| | | [mana-mana 4 x 1 markah] | **[4 markah]** |
| **4** | **(a)** | Mengapakah konflik perkauman berlaku pada 13 Mei 1969? | |
| | | F1 Ketidakseimbangan dalam ekonomi dan sosial | 1 |
| | | F2 Keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga 1969 | 1 |
| | | F3 Parti politik mengeskpoitasi isu menyentuh sensitiviti kaum semasa berkempen | 1 |
| | | F4 PKM mempengaruhi penduduk | 1 |
| | | F5 Parti yang bertanding menggunakan sentimen perkauman dan keagamaan | 1 |
| | | F6 Perarakan kemenangan pilihan raya tidak terkawal | 1 |
| | | [mana-mana 3 x 1 markah] | **[3 markah]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **(b)** | Bagaimanakah pemerintah Malaysia mengatasi konflik di (a)? | |
| | | F1 Pengisytiharan perintah darurat | **1** |
| | | H1a dibuat oleh YDPA pada 16 Mei 1969 ke seluruh negara | **1** |
| | | H1b Perlembagaan digantung / Parlimen ditangguhkan | **1** |
| | | H1c mewujudkan pusat perlindungan | **1** |
| | | H1d Pihak polis menguatkuasakan perintah berkurung | **1** |
| | | H1e Menyusun semula perkhidmatan penerangan kerajaan | **1** |
| | | H1f Berita ditapis bagi memastikan kesahihannya | **1** |
| | | H1g Memastikan bekalan makanan diperoleh penduduk di pusat perlindungan | **1** |
| | | H1h Pemindahan mangsa rusuhan ke pusat perlindungan | **1** |
| | | C1a Stadium Merdeka / Tiong Nam Settlement | **1** |
| | | H1i Memagar kawasan Kampung Baru | **1** |
| | | H1j Tentera memberikan perlindungan kepada penduduk di kem tentera | **1** |
| | | F2 Penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) | **1** |
| | | H2a diberi kuasa memerintah semasa darurat | **1** |
| | | H2b bertanggungjawab mengawal ketenteraman negara | **1** |
| | | H2c menyelesaikan masalah perpaduan kaum | **1** |
| | | H2d menyelesaikan isu ketidakseimbangan ekonomi antara Kaum | **1** |
| | | H2e Berperanan mengembalikan keamanan dan undang-Undang | **1** |
| | | H2f Menentukan pentadbiran yang licin | **1** |
| | | H2g Mengembalikan keharmonian dan kepercayaan antara Kaum | **1** |
| | | H2h Menggantung sementara penerbitan semua akhbar sehingga keadaan negara kembali tenang | **1** |
| | | H2i Menguatkuasakan Akta Hasutan 1948 | **1** |
| | | H2j Jabatan penerangan menapis berita palsu dan menerangkan usaha kerajaan | **1** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | F3 Peranan raja | **1** |
| | | H3a Sultan Perak / Sultan Idris Iskandar Shah II menasihati rakyat menjaga keamanan | **1** |
| | | H3b Menubuhkan Jawatankuasa Muhibah | **1** |
| | | H3c menulis surat merayu penduduk bertenang dan bantu negara kekalkan keamanan | **1** |
| | | H3c raja di negeri lain meminta rakyat bertenang dan patuh undang-undang | **1** |
| | | [mana-mana 3 x 1 markah] | **[3 markah]** |
| | **(c)** | Mengapakah konflik perkauman boleh menjejaskan pembangunan sesebuah negara? | |
| | | F1 Perpaduan akan menjadi rapuh | **1** |
| | | F2 Setiap kaum mementingkan kaum masing-masing | **1** |
| | | F3 Sukar mewujudkan toleransi antara kaum | **1** |
| | | F4 Menjejaskan kemajuan negara | **1** |
| | | F5 Keamanan negara tergugat | **1** |
| | | F6 Kemasukan pelabur asing terhad | **1** |
| | | F7 Ekonomi negara merosot | **1** |
| | | F8 Imej negara tercalar | **1** |
| | | F9 Berlaku pergaduhan antara kaum | **1** |
| | | F10 Pendidikan terjejas | **1** |
| | | M Mana-mana jawapan munasabah | **1** |
| | | [mana-mana 4 x 1 markah] | **[4 markah]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **5** | **(a)** | Mengapakah Jepun melaksanakan dasar perluasan kuasa? | |
| | | F1 Pembaharuan Meiji | **1** |
| | | H1a muncul sebagai negara industri dan kuasa tentera setaraf Barat | **1** |
| | | F2 Keperluan perindustrian / memenuhi keperluan ekonomi | **1** |
| | | H1a Jepun sebuah negara industri | **1** |
| | | H1b Berusaha mengurangkan pergantungan kepada Barat untuk mendapatkan bahan mentah | **1** |
| | | H1c memerlukan wilayah baharu untuk bekalkan bahan mentah | **1** |
| | | H1c menjadi kawasan pasaran baharu untuk perindustrian Jepun | **1** |
| | | F3 Pengaruh golongan tentera | **1** |
| | | H3a angkatan tentera paling moden di Asia | **1** |
| | | H3b bertindak agresif apabila tentera kuasai politik | **1** |
| | | H3c Tentera berpendapat bahawa masalah ekonomi boleh diselesaikan menerusi penaklukan kawasan yang kaya bahan mentah | **1** |
| | | C3a Jeneral Hideki Tojo | **1** |
| | | H3d Jepun terlibat dengan peperangan | **1** |
| | | F4 Orde Baharu Asia | **1** |
| | | H4a rancangan Jepun singkirkan kuasa imperialis Barat di Asia | **1** |
| | | H4b anjurkan perkongsian kuasa | **1** |
| | | H4c pembahagian kekayaan yang lebih adil dalam kalangan negara di Asia | **1** |
| | | C4a Jepun / Korea / China / Manchuria dalam satu blok ekonomi | **1** |
| | | H4d Dasar luar Jepun | **1** |
| | | H4e mengembangkan kuasa / kebebasan ekonomi dan menentang imperialis Barat | **1** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | F5 Sekatan ekonomi terhadap Jepun | **1** |
| | | H5a tindakan menghentkan perdagangan / membekukan semua harta milik Jepun | **1** |
| | | H5b British / Amerika Syarikat / Belanda / Pihak Bersekutu | **1** |
| | | H5c Tujuan menghalang Jepun memperoleh bahan mentah untuk industri dan operasi perang | **1** |
| | | F6 Rancangan penaklukan wilayah di Selatan | **1** |
| | | H6a bagi selesaikan sekatan ekonomi Pihak Bersekutu | **1** |
| | | H6b menguasai Asia Tenggara yang kaya bahan mentah | **1** |
| | | C6a bijih timah / getah / bauksit / petroleum | **1** |
| | | H6c Jerman hantar pakar ke Jepun | **1** |
| | | H6d mengkaji serangan terhadap wilayah selatan | **1** |
| | | H6e membantu perkembangan industri pembuatan kapal terbang Jepun | **1** |
| | | [mana-mana 6 x 1 markah] | **[6 markah]** |
| | **(b)** | Sekatan ekonomi terhadap Jepun menyebabkan tentera mereka menyerang Tanah Melayu pada 8 Disember 1941.<br>Jelaskan. | |
| | | F1 Dasar peluasan kuasa Jepun / Penaklukan | **1** |
| | | H1a Pemulihan Meiji | **1** |
| | | H1b Pengaruh golongan tentera / Jeneral Hideki Tojo | **1** |
| | | H1c Orde Baharu Asia | **1** |
| | | H1d Angakatan tentera moden / bantuan Kuasa Paksi * Jerman | **1** |
| | | H1e Rancangan penaklukan wilayah di selatan | **1** |
| | | F2 Propaganda Jepun | **1** |
| | | C2a Semangat Asia / Asia untuk Orang Asia | **1** |
| | | H2a menanam semangat antipenjajah / elak imperialis Barat / dapatkan tanah jajahan British | **1** |
| | | H2b menonjolkan imej Jepun / pembela Asia | **1** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | F3 Keperluan ekonomi / pasaran * kepentingan ekonomi | **1** |
| | | H3a keperluan perindustrian | **1** |
| | | H3b Tanah Melayu kaya bahan mentah / eksploitasi bahan Mentah | **1** |
| | | H3c bijih timah / getah / emas / besi / arang batu / bauksit | **1** |
| | | H3d sumber minyak utama / petroleum | **1** |
| | | H3e Miri / Lutong | **1** |
| | | H3f Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya | **1** |
| | | H3g mengukuhkan ekonomi Jepun / memajukan Jepun | **1** |
| | | F4 Kepentingan strategik | **1** |
| | | H4a negara kita strategik * laluan sutera / kedudukan negara | **1** |
| | | H4b sesuai untuk kententeraan Jepun | **1** |
| | | H4c Singapura pangkalan tentera British | **1** |
| | | H4d perlu untuk penguasaan minyak di Sumatera | **1** |
| | | H4e menguasai Borneo | **1** |
| | | H4f untuk operasi tentera di Jawa | **1** |
| | | [mana-mana 6 x 1 markah] | **[6 markah]** |
| | **(c)** | Berdasarkan maklumat di atas, jelaskan ciri-ciri patriotik yang dimiliki oleh tokoh tersebut dan mengapakah sifat patriotik sangat penting dalam diri rakyat Malaysia? | |
| | | Ciri-ciri patriotik Leftenan Adnan (dalam petikan): | |
| | | F1 berani menentang tentera Imperial Jepun / melawan serangan Tentera Darat Jepun | **1** |
| | | F2 pegawai tentera yang bijak / tajam pemikiran menyusun strategi | **1** |
| | | F3 tentera yang lasak dan cekap | **1** |
| | | F4 tentera yang berwibawa | **1** |
| | | H4a dipilih mempertahankan kubu di Bukit Candu | **1** |
| | | Sebab sifat patriotik penting dalam diri rakyat Malaysia | |
| | | F5 sanggup mempertahankan negara dari dijajah musuh | **1** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | F6 mempertahankan kedaulatan negara | 1 |
| | | F7 memupuk perpaduan kaum | 1 |
| | | H7a supaya keharmonian negara dicapai | 1 |
| | | F8 Mendorong pembangunan negara | 1 |
| | | H8a supaya bergerak / membangun selari negara maju lain | 1 |
| | | F9 Mengelakkan berlakunya penjajahan | 1 |
| | | H9a supaya kemerdekaan negara kekal | 1 |
| | | F10 Mewujudkan semangat sanggup berkorban demi negara | 1 |
| | | M Mana-mana jawapan munasabah | 1 |
| | | [mana-mana 8 x 1 markah] | **[8 markah]** |
| | | Catatan: *calon perlu menyentuh sekurang-kurangnya satu ciri patriotik tokoh untuk memperoleh 8 markah. Jika hanya beri sebab tanpa ciri patriotik maksimum 7 markah.* | |
| **6** | **(a)** | Jelaskan rundingan yang telah diadakan sebelum Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 berlangsung. | |
| | | F1 Jawatankuasa Pilihan Raya telah dibentuk terdiri daripada 46 orang ahli | 1 |
| | | F2 untuk mengkaji hal ehwal pilihan raya yang akan diadakan | 1 |
| | | F3 mengeluarkan dua bentuk penyata susunan MPP | 1 |
| | | H3a Bentuk A dan Bentuk B | 1 |
| | | F4 Tunku Abdul Rahman berangkat ke London | 1 |
| | | H4a disertai oleh Tan Cheng Lock / T.H Tan / Dato' Abdul Razak Hussien | 1 |
| | | H4b menyatakan hasrat menentukan tiga perlima bilangan anggota MPP dipilih melalui pilihan raya | 1 |
| | | H4c bertemu dengan ahli Parlimen Parti Buruh British / Parti Konservatif / Parti Liberal | 1 |
| | | H4d membuat kenyataan melalui akhbar kepada rakyat British dan ahli Parlimen | 1 |
| | | F5 Tunku Abdul Rahman berjaya mengadakan rundingan dengan Oliver Lyttelton / Setiausaha Tanah Jajahan British | 1 |
| | | H5a rundingan gagal mendapatkan tiga perlima ahli melalui pilihan raya | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | H5b bilangan ahli MPP yang dipersetujui sebanyak 52 orang | **1** |
| | | H5c dipersetujui pihak British dan Parti Perikatan | **1** |
| | | [mana-mana 4 x 1 markah] | **[4 markah]** |
| | **(b)** | Huraikan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955. | |
| | | F1 Suruhanjaya Penentuan Sempada Kawasan ditubuhkan | **1** |
| | | F2 Berjaya membentuk 52 kawasan pilihan raya | **1** |
| | | F3 Rang undang-undang diluluskan bagi membolehkan pilihan raya diadakan | **1** |
| | | F4 Pendaftaran pengundi mulai 18 Oktober 1954 di seluruh Tanah Melayu | **1** |
| | | F5 Pendaftaran pengundi di Terengganu bermula 29 Oktober 1954 | **1** |
| | | H5a syarat menjadi pengundi mestilah warganegara Persekutuan Tanah Melayu / berumur 21 tahun ke atas / individu tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh enam bulan terdahulu sebelum hari pendaftaran | **1** |
| | | F6 Proses penamaan calon diadakan pada 15 Jun 1955 | **1** |
| | | F7 Kempen pilihan raya selama 45 hari | **1** |
| | | F8 Hari Mengundi pada 27 Julai 1955 | **1** |
| | | F9 Peti undi dibawa ke pusat pengiraan undi untuk proses pengiraan undi | **1** |
| | | F10 Pengumuman keputusan pilihan raya | **1** |
| | | [mana-mana 8 x 1 markah] | **[8 markah]** |
| | **(c)** | Jelaskan maklumat dalam petikan di atas dan berikan cadangan untuk menggalakkan belia menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi. | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Maklumat daripada petikan:<br>F1 Perdana Menteri menyarakan agar belia celik dan cakna tentang sistem Demokrasi Berparlimen<br>F2 Peranan sebagai pengundi muda dan Undi18 juga perlu dititikberatkan<br>F3 Perdana menteri menyeru kepentingan meningkatkan jati diri untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab<br>F4 Golongan belia memainkan peranan besar dalam pembentukan negara bangsa<br>F5 Belia perlulah memilih pemimpin selaras dengan pelaksanaan pindaan Undang-undang Perlembagaan Persekutuan<br><br>Cadangan menggalakkan belia mengundi:<br><br>F6 Kempen menggalakkan rakyat keluar mengundi<br>F7 SPR membantu rakyat agar proses keluar mengundi menjadi mudah<br>H7a menyediakan bot / kereta 4x4 untuk kawasan pedalaman<br>F8 Menanamkan rasa bertanggungjawab kepada negara<br>F9 Menerangkan kepentingan undi kepada belia<br>H9a Undi 18 memberi peluang kepada belia laksanakan Tanggungjawab<br>F10 Sekolah menekankan kepentingan mengundi bagi murid Tingkatan 5 / bakal pengundi<br>H10a menggalakkan simulasi mengundi dalam badan pengawas<br>M Mana-mana jawapan munabah<br><br>[mana-mana 8 x 1 markah]<br><br>Catatan: *calon perlu mengemukakan maklumat dalam petikan dan cadangan. Jika tidak maksimum 7 markah.* | **1**<br>**1**<br>**1**<br><br>**1**<br><br>**1**<br>**1**<br>**1**<br>**1**<br>**1**<br>**1**<br>**1**<br>**1**<br>**1**<br><br>**[8 markah]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **7** | **(a)** | Jelaskan kuasa yang Yang di-Pertuan Agong dalam Perlembagaan Persekutuan. | |
| | | F1 Bidang Kuasa Eksekutif | **1** |
| | | H1a bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri | **1** |
| | | H1b melantik Perdana Menteri | **1** |
| | | H1c melantik Menteri-menteri dan Timbalan Menteri dengan nasihat Perdana Menteri | **1** |
| | | H1d melantik jawatan penting | **1** |
| | | C1a Peguam Negara / Panglima Angkatan Tentera / Ketua Audit Negara / Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya / Ahli Suruhanjaya Polis / sejumlah ahli Majlis Angkatan Tentera | **1** |
| | | H1e Pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia | **1** |
| | | H1f dibantu oleh Majlis Angkatan Tentera | **1** |
| | | H1g Melantik diplomat Malaysia ke luar negara | **1** |
| | | H1h Menerima menghadap diplomat asing | **1** |
| | | F2 Bidang Kuasa Perundangan | **1** |
| | | H2a Memperkenankan Rang Undang-undang | **1** |
| | | H2b Memanggil / memberhentikan/ membubarkan Parlimen bersidang | **1** |
| | | H2c Ketua Agama Islam di negeri baginda / Wilayah Persekutuan / Melaka / Pulau Pinang / Sarawak / Sabah | **1** |
| | | H2d Bertanggungjawab menjaga / melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera | **1** |
| | | H2e Bertanggungjawab melindungi kepentingan sah kaum lain | **1** |
| | | H2f Membuat pengisytiharan darurat | **1** |
| | | F3 Bidang Kuasa Kehakiman | **1** |
| | | H3a Melantik hakim Mahkamah Atasan | **1** |
| | | C3a Ketua Hakim Negara / Presiden Mahkamah Rayuan / Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya / Hakim Besar Mahkamah Tinggi Sarawak dan Sabah / Hakim Mahkamah Persekutuan / Hakim Mahkamah Rayuan / | **1** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Hakim Mahkamah Tinggi | |
| | | H3b Berkuasa mengampunkan / menangguhkan / meringankan hukuman | 1 |
| | | H3c bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan | 1 |
| | | C3b Kesalahan yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera / Mahkamah Syariah Melaka / Pulau Pinang / Sabah / Sarawak dan Wilayah Persekutuan | 1 |
| | | [mana-mana 4 x 1 markah] | **[4 markah]** |
| | **(b)** | Terangkan dua ciri perlembagaan tersebut:- | |
| | | (i) Ciri Tradisional | |
| | | F1 Kesultanan atau pemerintahan beraja | 1 |
| | | H1a Sultan pemerintah berdaulat | 1 |
| | | H1b kuasa penuh di negeri masing-masing | 1 |
| | | H1c pemerintahan beraja diteruskan selepas merdeka | 1 |
| | | H1d disesuaikan dengan konsep Demokrasi Berparlimen | 1 |
| | | H1e YDPA pemerintah tertinggi negara | 1 |
| | | H1f berkuasa mengampun / menangguhkan hukuman / melantik jawatan utama negara | 1 |
| | | H1g Raja / sultan ketua negeri | 1 |
| | | H1h kuasa eksekutif melalui nasihat Majlis Mesyuarat Negeri | 1 |
| | | H1i tonggak kehormatan dan keadilan | 1 |
| | | H1j boleh mengurniakan anugerah / penghormatan / bintang kehormat | 1 |
| | | F2 Agama Islam | 1 |
| | | H2a Raja di negeri Melayu tidak perlu menerima nasihat daripada penasihat British | 1 |
| | | C2a hak dan kedaulatan raja / adat istiadat | 1 |
| | | H2b selepas merdeka terletak di bawah kuasa raja di negeri masing-masing | 1 |
| | | H2c bagi negeri tidak beraja dan Wilayah Persekutuan terletak di bawah bidang kuasa YDPA | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | F3 Bahasa Melayu | **1** |
| | | H3a Menjadi Lingua franca | **1** |
| | | H3b Berperanan sebagai bahasa ilmu | **1** |
| | | H3c Bahasa kebangsaan / bahasa rasmi | **1** |
| | | F4 Kedudukan orang Melayu dan Bumiputera | **1** |
| | | H4a di bawah kuasa raja / ketua peribumi | **1** |
| | | H4b YDPA memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera serta kepentingan sah kaum lain | **1** |
| | | [mana-mana 4 x 1 markah] | **[4 markah]** |
| | | (ii) Ciri Moden | |
| | | F1 Membentuk sistem kerajaan Persekutuan | **1** |
| | | H1a Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu | **1** |
| | | H1b sarankan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diberi kuasa dalam bidang tertentu | **1** |
| | | H1c Sarawak dan Sabah diberi beberapa autonomi | **1** |
| | | F2 Sistem Demokrasi Berparlimen | **1** |
| | | H2a berasaskan pilihan raya untuk memberikan kebebasan rakyat memilih wakil pemimpin / menubuhkan kerajaan | **1** |
| | | H2b penubuhan Suruhanjaya Pilihan Raya | **1** |
| | | C2a Pilihan raya Persekutuan / Pilihan raya Negeri | **1** |
| | | F3 Kewarganegaraan | **1** |
| | | H3a diperkenalkan melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 | **1** |
| | | H3b Rakyat terbahagi kepada rakyat raja / kerakyatan British | **1** |
| | | H3c pembentukan Malaysia melahirkan taraf kewarganegaraan yang sama | **1** |
| | | [mana-mana 4 x 1 markah] | **[4 markah]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **(c)** | Berdasarkan maklumat di atas, kemukakan sebab berlakunya pindaan perlembagaan 1963 dan 1965 dan mengapakah pindaan perlembagaan perlu dilakukan sehingga ke hari ini? | |
| | | Maklumat dalam petikan: | |
| | | F1 Pindaan 1963 berlaku kerana untuk menyesuaikan dengan Sarawak dan Sabah | **1** |
| | | H1a disebabkan pembentukan Malaysia / pengabungan Tanah Melayu /Sarawak/Sabah/Singapura | **1** |
| | | H1b Menetapkan Struktur Mahkamah Atasan / Mahkamah Tinggi Borneo | **1** |
| | | C1a Mahkamah Atasan Persekutuan Tanah Melayu / Sarawak dan Sabah / Singapura / Jawatan Yang Dipertua Negeri | **1** |
| | | F2 Pindaan Perlembagaan 1965/Pindaan Singapura | **1** |
| | | H2a Tunku Abdul Rahman membawa usul pindaan | **1** |
| | | H2c Parlimen meluluskan Singapura keluar dari Malaysia / menyaksikan pemisahan Singapura dari Malaysia | **1** |
| | | H2d Semua perkara berkaitan Singapura dimansuhkan | **1** |
| | | C2a Imigresen / kewangan / hubungan luar negara / Pertahanan | **1** |
| | | Sebab pindaan perlu dilakukan sehingga kini | |
| | | F3 Melicinkan pentadbiran negara | **1** |
| | | H3a Supaya relevan mengikut situasi semasa | **1** |
| | | F4 Menjaga keamanan negara | **1** |
| | | F5 Menjamin kebajikan rakyat | **1** |
| | | F6 Menjamin keharmonian masyarakat | **1** |
| | | F7 Mengurangkan kelemahan pengadilan sesuatu kes | **1** |
| | | F8 Mengelakkan berlakunya peperangan | **1** |
| | | F9 Mengikat taat setia rakyat | **1** |
| | | M Mana-mana jawapan munasabah | **1** |
| | | [mana-mana 8 x 1 markah] | **[8 markah]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **8** | **(a)** | Jelaskan matlamat dan objektif Dasar Pembangunan Nasional dibentuk. | |
| | | F1 Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu | **1** |
| | | F2 Memperkukuh perpaduan melalui pengagihan kekayaan negara | **1** |
| | | F3 Memastikan pembangunan seimbang antara negeri dan antara bandar dan luar bandar | **1** |
| | | F4 Mengukuhkan kestabilan sosial dan politik | **1** |
| | | F5 Mengekalkan pembangunan dan ekonomi yang berterusan | **1** |
| | | F6 Meneruskan kejayaan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru | **1** |
| | | F7 Menetapkan langkah Malaysia ke arah mencapai taraf negara maju dalam semua aspek | **1** |
| | | C1a keadilan sosial / nilai, etika dan moral / kestabilan politik / kualiti hidup / kecekapan pentadbiran / kecemerlangan ekonomi | **1** |
| | | [mana-mana 4 x 1 markah] | **[4 markah]** |
| | **(b)** | Huraikan strategi yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk mencapai matlamat DPN. | |
| | | F1 Melibatkan pihak swasta dalam pembangunan ekonomi negara | **1** |
| | | H1a melaksanakan program penanaman semula | **1** |
| | | H1b meningkatkan penggunaan sains dan teknologi | **1** |
| | | H1c meningkatkan pemilikan saham saham bumiputera | **1** |
| | | F2 Meneruskan usaha membasmi kemiskinan | **1** |
| | | H2a pemberian subsidi padi / sokongan kepada nelayan | **1** |
| | | H2b meningkatkan produktiviti pengeluaran padi / hasil laut | **1** |
| | | H2c menyediakan program latihan kepada golongan belia | **1** |
| | | C2a Pusat Latihan Giatmara / Institusi Latihan Perindustrian (ILP) | **1** |
| | | H2d mendapatkan kerja yang berkaitan kemahiran dan | **1** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | berpendapatan tinggi | |
| | | H2e Memberikan insentif / kemudahan pendidikan | **1** |
| | | H2f membentuk masyarakat yang berdisiplin dan progresif | **1** |
| | | H2g menyediakan dan menambah baik kemudahan asas | **1** |
| | | H2h mengalakkan pembangunan mapan tanpa mengabaikan alam sekitar | **1** |
| | | F3 Penyusunan Semula Masyarakat | **1** |
| | | H3a pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) | **1** |
| | | H3b meningkatkan tenaga kerja dan penyertaan bumiputera dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan | **1** |
| | | H3c memberikan latihan dalam bidang pengurusan harta dan etika perniagaan | **1** |
| | | H3d pemberian kontrak / lesen dan kuota kepada perniagaan bumiputera / syarikat usaha sama | **1** |
| | | H3e menggalakkan penyertaan bumiputera dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) | **1** |
| | | H3f menggalakkan usaha sama aktif antara bumiputera dengan bukan bumiputera | **1** |
| | | H3g mendedahkan teknologi baharu / kemudahan modal / maklumat pasaran / hubungan perniagaan pasaran antarabangsa kepada syarikat bumiputera | **1** |
| | | H3h bermatlamat untuk menunjukkan komposisi pelbagai kaum dalam pelbagai sektor dan tenaga kerja | **1** |
| | | F4 Penyusunan semula modal saham | **1** |
| | | H4a menjayakan matlamat DEB iaitu sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan saham bumiputera | **1** |
| | | H4b penswastaan syarikat perniagaan milik agensi amanah khas untuk bumiputera | **1** |
| | | C4a Majlis Amanah Rakyat (MARA) / Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) / Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) | **1** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | F5 Meneruskan rancangan pembangunan wilayah | **1** |
| | | H5a meningkatkan integrasi ekonomi yang saling melengkapi antara negeri | **1** |
| | | H5b memperbaiki ketidakseimbangan pembangunan wilayah | **1** |
| | | H5c menjayakan konsep pertanian pintar | **1** |
| | | H5d meningkatkan peranan MARDI dalam bidang penyelidikan pertanian | **1** |
| | | H5e mendorong pihak swasta menempatkan kilang tambahan di negeri yang kurang maju | **1** |
| | | [mana-mana 8 x 1 markah] | **[8 markah]** |
| | **(c)** | Merujuk gambar-gambar tersebut, huraikan kejayaan pelaksanaan DEB dan DPN yang boleh dibanggakan oleh rakyat Malaysia sehingga hari ini? | |
| | | Maklumat bergambar; | |
| | | F1 Muncul arkitek muda yang boleh melakar pelan bangunan | **1** |
| | | F2 Pembinaan Lebuhraya Pantai Timur 2 | **1** |
| | | F3 Tokoh perbankan – Tan Sri Azman Hashim | **1** |
| | | F4 Kereta yang dikeluarkan oleh PROTON dan PERODUA | **1** |
| | | Kejayaan lain DEB dan DPN | |
| | | F5 Penurunan kadar kemiskinan | **1** |
| | | H5a membuka peluang pekerjaan dan menambah pendapatan isi rumah | **1** |
| | | F6 Berjaya meningkatkan kualiti hidup rakyat | **1** |
| | | F7 Peningkatan tahap kesihatan rakyat | **1** |
| | | H7a meningkatkan kemudahan asas seperti hospital / klinik / pusat kesihatan | **1** |
| | | F8 Kemajuan bidang pendidikan orang Melayu dan bumiputera | **1** |
| | | H8a kemunculan golongan profesional Melayu dan bumiputera dalam pelbagai bidang | **1** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | F9 Kemunculan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera | **1** |
| | | H9a melibatkan diri dalam sektor korporat | **1** |
| | | H9b muncul tokoh bumiputera dalam bidang perbankan / pemodal saham / pemilik syarikat / pemilik pelabuhan / usahawan muda | **1** |
| | | H9c meningkatkan taraf hidup golongan miskin | **1** |
| | | H9d penawaran pekerjaan dalam syarikat dan industri | **1** |
| | | C9a Ahli perniagaan – Tan Sri Mohd Effendi Norwawi / Tokoh korporat – Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhari / Tokoh hartanah – Tan Sri Mustapha Kamal | **1** |
| | | F10 Pembangunan pendidikan | **1** |
| | | H10a pembinaan institusi pendidikan di bawah kerajaan dan swasta | **1** |
| | | H10b muncul graduan bidang sains / teknologi dan teknikal | **1** |
| | | H10c pendidikan memperbaiki taraf hidup rakyat | **1** |
| | | F11 Kemajuan pengangkutan dan perhubungan di kawasan luar bandar | **1** |
| | | H11a jaringan jalan raya / pengangkutan udara / kereta api / pelabuhan moden | **1** |
| | | H11b berjaya mengukuhkan integrasi antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah | **1** |
| | | F12 Kemunculan bandar baharu / perkembangan wilayah | **1** |
| | | C12a Felda Segitiga Jengka / Bandar Tun Abdul Razak | **1** |
| | | F13 Perindustrian berteknologi tinggi | **1** |
| | | H13a melibatkan penggunaan jentera moden | **1** |
| | | C13a HICOM | **1** |
| | | F14 Kawasan perindustrian baharu | **1** |
| | | H14a Estet perindustrian | **1** |
| | | H14b Taman Teknologi Perindustrian | **1** |
| | | H14c Zon Perindustrian Bebas | **1** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | F15 Pertumbuhan industri kereta dan motosikal buatan Malaysia / kenderaan buatan Malaysia | 1 |
| | | C15a MODENAS – pengeluar motosikal | 1 |
| | | H15a membuka peluang pekerjaan untuk tenaga kerja rakyat berbilang kaum | 1 |
| | | H15b meningkatkan pendapatan rakyat | 1 |
| | | H15c taraf hidup meningkat | 1 |
| | | M mana-mana jawapan munasabah | 1 |
| | | [mana-mana 8 x 1 markah] | **[8 markah]** |
| **9** | **(a)** | Apakah isu kemanusiaan dan keamanan dunia yang diperjuangkan oleh pertubuhan tersebut? | |
| | | F1 Kekejaman rejim Zionis terhadap rakyat Palestin | 1 |
| | | F2 Pengusiran dan pembunuhan terhadap rakyat Palestin | 1 |
| | | F3 Krisis politik di Syria | 1 |
| | | F4 Penderitaan dan kesengsaraan rakyat Syria | 1 |
| | | F5 Kekurangan makanan dan kemudahan perubatan | 1 |
| | | F6 Bencana alam/tsunami yang memusnahkan Aceh dan Sri Lanka | 1 |
| | | [mana-mana 4 x 1 markah] | **[4 markah]** |
| | **(b)** | Jelaskan keprihatinan rakyat Malaysia memperjuangkan isu di **9**(a) melalui pertubuhan di atas. | |
| | | **Aman Palestin** | 1 |
| | | F1 Didaftar secara rasmi pada tahun 2006 sebagai sebuah organisasi | 1 |
| | | F2 Membantu rakyat Palestin secara kolektif, sistematik, berterusan dan berkesan | 1 |
| | | F3 Menyalurkan bantuan kebajikan dan sumbangan orang ramai kepada rakyat Palestin | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | **MERCY Malaysia** | **1** |
| | | F4 Ditubuhkan pada tahun 1999 oleh Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood | **1** |
| | | F5 Aktif dalam bidang kesukarelawanan dan kemanusiaan membabitkan negara yang berkonflik dan ditimpa bencana | **1** |
| | | F6 Bertindak memberikan bantuan perubatan serta membina semula pusat kesihatan komuniti di Aceh | **1** |
| | | F7 Membangunkan infrastruktur di Sri Lanka | **1** |
| | | C7a sekolah dan jambatan bagi kemudahan penduduk | **1** |
| | | **MyCare** | **1** |
| | | F8 Gabungan enam buah NGO kemanusiaan | **1** |
| | | F9 Melancarkan kempen i4Syria | **1** |
| | | F10 Menyalurkan pelbagai bantuan kepada pelarian Syria | **1** |
| | | F11 Mengendalikan aspek pendidikan, kesihatan dan kebajikan pelarian Syria yang berada di Malaysia | **1** |
| | | **ABIM** | **1** |
| | | F12 Ditubuhkan pada tahun 1971 | **1** |
| | | F13 Memberikan bantuan kemanusiaan kepada pihak yang memerlukan termasuklah mangsa bencana tsunami di Aceh | **1** |
| | | F14 Mendirikan sekolah dan rumah perlindungan kepada lebih kurang 120 orang anak yatim yang menjadi mangsa tsunami di Banda Aceh | **1** |
| | | [mana-mana fakta berkaitan 8 x 1 markah] | **[8 markah]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **(c)** | Penglibatan dalam isu kemanusiaan dan keamanan dunia melalui organisasi tersebut menyerlahkan nilai murni rakyat Malaysia di mata dunia.<br>Beri ulasan anda. | |
| | | F1 Rakyat Malaysia mempamerkan sifat prihatin dan bertanggungjawab menyumbang kepada keamanan dunia | **1** |
| | | F2 Sanggup memberikan bantuan kepada golongan yang menghadapi musibah sama ada disebabkan peperangan mahupun bencana alam | **1** |
| | | F3 Memberi bantuan kemanusiaan tanpa berlandaskan keuntungan | **1** |
| | | F4 Menyelamatkan nyawa, meringankan penderitaan dan juga menjaga maruah manusia | **1** |
| | | F5 Berjaya menegakkan empat prinsip utama NGO | **1** |
| | | F6 Menegakkan kemanusiaan, keadilan, tidak berpihak dan bersikap neutral | **1** |
| | | F7 Menyerlahkan sikap perikemanusiaan yang tinggi | **1** |
| | | F8 Kesanggupan melakukan kerja sukarela telah menaikkan nama baik negara kita | |
| | | M Mana-mana jawapan munasabah | **1** |
| | | [mana-mana 8 x 1 markah] | **[8 markah]** |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**